

**SULIT**

**10 APRIL 2014 (KHAMIS) SOALAN (NO. 81)**

**DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [ TANAH MERAH – BN ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kementerian bagi memastikan pergaduhan antara penyokong bola sepak tidak berlaku lagi memandangkan perbuatan itu boleh memburukkan imej negara.

SULIT

## JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan daripada **YB Petaling Jaya Selatan** bersekali dengan persoalan daripada **YB Jelebu** bertarikh **24 Mac 2014**, **YB Lipis** bertarikh **7 April 2014**, **YB Sekijang** bertarikh **7 April 2014**, **YB Sipitang** bertarikh **8 April 2014** dan **YB Tanah Merah** bertarikh **10 April 2014** kerana ia menyentuh berkaitan dengan perkara yang sama iaitu berkenaan insiden yang melibatkan penyokong bola sepak baru-baru ini.

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian berasa amat kesal dengan insiden yang melibatkan penyokong bola sepak semasa perlawanan Liga Super di antara pasukan Pahang dan pasukan JDT pada 7 Feb 2014 lalu.
2. Tindakan segelintir penyokong bola sepak yang menunjukkan perlakuan yang agak agresif wajar dibendung dengan segera agar sukan bola sepak yang selama ini menjadi medium perpaduan di kalangan rakyat tidak menjadi medan persaingan di antara samseng bola sepak (hooligans) seperti mana yang berlaku di negara-negara Eropah.
3. Justeru, kempen anti keganasan iaitu 'Love Football, Stop Hooliganism' telah dilancarkan oleh Timbalan Prersiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) pada 22 Februari 2014 lalu merupakan kempen berterusan dalam menyedarkan peminat bola sepak agar

## SULIT

lebih berhemah dalam memberi sokongan kepada pasukan masing-masing.

4. Selain daripada itu, Jawatankuasa Keselamatan yang ditubuhkan oleh FAM akan bekerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi meningkatkan lagi kawalan keselamatan sebelum dan selepas perlawanan. Selain daripada itu, dalam memastikan keselamatan penonton, kawalan keselamatan di dalam dan di luar stadium turut diperketatkan dengan menyenaraikan barang-barang larangan seperti suar dan juga batang bendera tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam stadium.
5. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Sekijang mengenai jumlah insiden pergaduhan melibatkan penyokong bola sepak sejak tahun 2010 hingga 2014, untuk makluman Yang Berhormat, maklumat yang diperolehi dari FAM sebanyak 18 kes dari tahun 2012 hingga 2014 yang telah pun direkodkan dan diambil tindakan oleh Jawatankuasa Tatatertib FAM.

Sekian, terima kasih.